

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 APRIL 2017

Kit Siang rasis, pelampau perkauman - Dr. M

Um - 20/4/2017

KUALA LUMPUR 19 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah membuat pengakuan secara terbuka dan secara jelas melabelkan Lim Kit Siang sebagai seorang rasis dan pelampau perkauman.

Kenyataan bekas Perdana Menteri itu dibuat semasa beliau berucap menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 di Shah Alam, Selangor pada Mei 2013.

Rakaman video ucapan Dr. Mahathir itu tersebar semula sebagai membuktikan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu seolah-olah lupa pengakuannya sendiri apabila kini mula 'berpeluk tubuh' dengan Penasihat DAP tersebut demi meraih kepentingan politik peribadi beliau.

Dalam sedutan video berdurasi 3' minit 31 saat itu, Dr. Mahathir secara lantang menyebut dan mengulanginya sebanyak dua kali bahawa "Kit Siang adalah rasis, Kit Siang adalah pelampau perkauman".

Beliau turut menempelak DAP bahawa mereka tidak boleh menutup mulutnya daripada membuat pertuduhan sebegitu dan tidak gentar sekalipun jika diheret ke mahkamah.

Katanya, DAP bercita-cita untuk menjadi kerajaan demokratik, tetapi dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, sesiapa sahaja boleh bercakap atau mengeluarkan pandangan dan DAP tidak senang apabila dirinya



PETIKAN video ucapan Dr. Mahathir Mohamad menjelang PRU-13 di Shah Alam, Selangor.



LIM KIT SIANG

masih mampu bercakap lagi.

"Sebab itu apabila saya katakan bahawa Kit Siang adalah rasis, pelampau perkauman, sepatutnya dia jawablah kenapa dia bukan pelampau, sebaliknya dia suruh kawan dia, Karpal Singh bagi surat kepada saya minta saya tarik balik dakwaan bahawa Kit Siang adalah rasis. Tujuannya supaya saya berasa takut diheret ke mahkamah dan dengan itu, saya tidak akan kata Kit Siang adalah rasis.

"Tuan-tuan, malam ini pun saya nak sebut dengan suara lantang mungkin bahawa Kit Siang adalah seorang rasis (ulang dua kali), Kit Siang adalah seorang pelampau perkauman. Kita tidak

takut nak tarik pergi mahkamah, tariklah tetapi kalau nak tutup mulut saya, mulut saya tidak boleh nak tutup," katanya seperti dipetik menerusi laman sosial YouTube.

Video tersebut turut mendedahkan Dr. Mahathir memberikan sebab mengapa beliau menuduh Kit Siang sebagai rasis kerana pemimpin veteran DAP itu sanggup bertanding di kawasan Parlimen Gelang Patah memandangkan di situ ramai pengundi majoriti Cina.

"Di sana majoriti pengundi terdiri daripada Cina, sebab itu dia pergi Gelang Patah kerana bergantung kepada perkauman. Di sana dia akan hasut orang Cina supaya benci kepada orang Melayu, (dengan menyatakan) bencilah Melayu dan undilah saya. Inilah (perangai) Kit Siang," katanya.